

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 9 TAHUN 1975¹

PENYUSUNAN SEMULA TANGGAGAJI RENJER
MERGASETUA MALAYSIA BARAT

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan iaitu mulai dari 1hb Jun, 1974 perkhidmatan Renjer Mergasetua adalah disusun semula dan struktur gajinya adalah seperti berikut²:

Struktur Sekarang	Struktur Baru
(a) Renjer Mergasetua Tingkatan II: \$160 × 5-180/185 × 5-190	} Renjer Mergasetua Tingkatan Biasa \$160 × 5-180/Sekatan Percubaan/185 × 5-190/Sekatan Kecekapan/200 × 10-240/ Sekatan Kecekapan/270 × 10-300
(b) Renjer Mergasetua Tingkatan I: \$200 × 10-240/270 × 10-300	
(c) Renjer Mergasetua Tingkatan I (Untuk Penyandang) \$200 × 10-240/270 × 10-330	Renjer Mergasetua Tingkatan Khas: \$325 × 15-400

Pemindahan Gaji

2. Sifir Pemindahan Gaji adalah seperti di Lampiran "A", "B" dan "C" kepada Pekeliling Perkhidmatan ini.

Tarikh Kenaikan Gaji

3. Tarikh kenaikan gaji adalah tidak berubah kecuali dalam kes di mana dua atau lebih matagaji atas tanggagaji sekarang berpindah kepada satu matagaji atas tanggagaji baru. Dalam kes yang demikian tarikh kenaikan gaji adalah berubah menurut rumusan di Lampiran "D".

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR,

14hb Februari, 1975.

CATATAN:

¹ Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/77 mulai 31hb Mac, 1977.

² Sila rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil. 25/75 bertarikh 14hb September, 1975.